

02 JUN 1996

TANJUNG RHU TAMAN PENERBANGAN MIKROLIGHT

LANGKAWI, 2 Jun (Bernama) -- Tanjung Rhu telah dikenalpasti sebagai kawasan yang sesuai di pulau peranginan bebas cukai ini untuk dijadikan taman penerbangan pesawat mikrolight, kata timbalan presiden Kelab Rekreasi Udara Langkawi (KRUL) Mansor Ismail.

Menurutnya kawasan itu didapati sesuai kerana keadaan muka buminya yang landai serta jauh dari laluan udara utama Langkawi.

Katanya sebuah landasan terbang sepanjang kira-kira 330 meter akan dibina di kawasan itu yang akan dilengkapi dengan sebuah hangar pesawat.

"Kita berharap dapat memulakan pembinaan taman penerbangan itu tidak lama lagi," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran KRUL oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Mansor berkata ketika ini semua kegiatan penerbangan pesawat mikrolight KRUL dijalankan di sekitar kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat.

Menurutnya kawasan itu dijangka tidak sesuai sedikit masa lagi untuk aktiviti KRUL ekoran kesibukannya.

Sementara itu, pengerusi Jawatakuasa Pelancongan dan Usahawan Negeri, Datuk Syed Razak Syed Zain mencadangkan KRUL menganjurkan pertunjukan udara membabitkan pesawat mikrolight sebagai acara selingan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima). -- BERNAMA

ZI NMO